



KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD
(No. Pendaftaran Koperasi : RCS475/89)
TB4290/91, Tingkat 2, Wisma Koop-Sawit, Jalan Hj. Karim, Peti Surat 1994, 91044, Tawau, Sabah.
Tel: 089-778323/089-773632 Fax : 089-750708

SYARAT DAN PERATURAN PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK)

1. Pencalonan ALK terbuka kepada semua anggota Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad (KKS KSB).
2. Calon yang bertanding telah menjadi anggota Koperasi selama tidak kurang dari 2 tahun serta menepati syarat-syarat lain yang telah ditetapkan di bawah **UUK 35**.
3. Setiap pencadang dan penyokong calon ALK hendaklah dari kalangan anggota-anggota Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad (KKS KSB) yang sah dan mempunyai nombor keanggotaan.
4. Calon ALK beserta dengan pencadang dan penyokongnya hendaklah bebas daripada sebarang jenayah atau berstatus muflis dan tidak disabitkan kesalahan seperti yang termaktub dalam **UUK 20**.
5. Setiap pencadang dan penyokong dihadkan untuk satu (1) pencalonan sahaja bagi calon ALK yang dicadang dan disokong.
6. Semua calon ALK, pencadang dan penyokong wajib mendaftar dan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-35 secara bersemuka.
7. Jika calon ALK yang bertanding didapati tidak mematuhi syarat dan peraturan pencalonan yang disenaraikan dalam item 1 hingga 5, maka calon tersebut akan digugurkan dari senarai pencalonan.
8. Borang pencalonan boleh didapati di Ibu Pejabat KKS KSB (Tawau) dan mana-mana pejabat penyelarasan Koperasi pada tarikh pencalonan dibuka.
9. Borang pencalonan hendaklah dikembalikan pada waktu pejabat sebelum atau pada tarikh penutupan pencalonan.
10. Borang pencalonan yang tidak lengkap, salah diisi dan dihantar selepas tarikh tutup pencalonan, tidak akan diterima dan diproses.
11. Satu pertiga (1/3) daripada Anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan pada setiap tahun dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Untuk MAT Ke 35 ini, seorang ALK akan gugur, manakala tiga (3) orang lagi mengosongkan jawatan secara sukarela bagi memenuhi syarat UUK Koperasi.
12. Semua borang pencalonan yang lengkap diisi dan dimeterai hendaklah dihantar sebelum atau pada **18hb September 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang** kepada mana-mana penyelarasan atau ke alamat seperti dibawah:

Ibu pejabat
Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad
Tingkat 2, Wisma KOOP-SAWIT
Jalan Masjid, 91000 Tawau.
Tel: 089-778323 Faks No: 089-750708
Email: kksksbtawau@gmail.com